

PAS dakwa Felda Plantation organisasi haram
Malaysiakini.com
March 2, 2011

Penampilan pertama kali NGO PAS dalam kempen pilihan raya kecil DUN Kerdu - Persatuan Anak Felda Kebangsaan (ANAK) - menggemparkan apabila mendakwa Felda Plantation yang mengawal 367,710 hektar ladang merupakan organisasi haram.

Presidennya, Mazlan Aliman mendakwa, pemilikannya itu bertentangan dengan Akta Penempatan Berkelompok (GSA) 1960 yang didakwa menetapkan pemilikan hanya oleh individu dan koperasi sahaja.

Beliau yang juga ahli jawatankuasa PAS pusat mendakwa, perkara itu disebut dalam Seksyen 7(2) dan Seksyen 11(1).

"Adakah perdana menteri membaca hansard parlimen bertarikh 27 April 1960 dan apa isi ucapan bapa beliau ketika membentangkan pengubalan akta GSA 1960?"

"Adakah perdana menteri tahu bahawa Felda Plantation adalah penempatan haram yang bertentangan dengan akta GSA yang mana status pemilikan hanya (untuk) individu, seksyen 7(2) dan koperasi, seksyen 11(1) sahaja?" katanya.

Mazlan yang juga ketua penerangan PAS Johor membuat dakwaan itu dalam sidang media harian PAS di markas induk parti itu di Kerdu pagi ini.

Berbeza dengan Sime Darby, IOI

Hadir sama Naib Presiden PAS Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man dan ahli jawatankuasa pusat parti itu Dr Dzulkefly Ahmad.

Ditanya tentang tindakan ANAK, Mazlan berkata, pihaknya kini dalam proses membawa kes itu ke mahkamah dan mengkaji kuasa kerajaan negeri terbabit bagi mengambil semula tanah tersebut daripada Felda Plantation.

Beliau percaya pengambilan semula tanah itu boleh dilakukan, seperti yang sedang diusahakan kerajaan Pakatan Rakyat Selangor di Felda Sungai Tinggi di Hulu Selangor.

Mazlan juga menjelaskan, dalam persefahaman PAS, PKR dan DAP dalam "Buku Jingga", Pakatan berhasrat mengambil alih Felda Plantation, tindakan yang didakwa sejajar dengan ucapan Tun Razak untuk menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan.

Katanya, keluasan lebih suku juta hektar tanah agensi kerajaan itu boleh diagih kepadakira-kira 79,000 generasi kedua Felda bagi meningkatkan taraf hidup berbanding pemberian dividen tahunan sebanyak 14 peratus yang bernilai antara RM100 hingga RM200 sahaja.

"Adakah perdana menteri tahu 45,000 peserta Felda Plantation termasuk anak-anak tempatan sedang menderita gaji yang rendah, diperlakukan seperti hamba dan kebajikan mereka yang diabaikan?" katanya.

Menurutnya keadaan itu jauh berbeza dengan nasib pekerja syarikat perladangan lain seperti Sime Darby dan IOI.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/157470>